

20 FEB 1998

Mahathir-Jawatan

PENGGILIRAN: TIDAK SEMESTINYA LANTIK TIMBALAN, KATA PM

KOTA KINABALU, 20 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pelantikan Ketua Menteri dalam sistem penggiliran jawatan itu di Sabah tidak semestinya berdasarkan kepada jawatan Kabinet yang sedang disandang oleh pemimpin yang bakal dilantik ke jawatan itu.

"Yang kita janji ialah penggiliran jawatan Ketua Menteri antara tiga kaum di Sabah. Soal sama ada dia timbalan (Ketua Menteri) atau bukan timbalan (Ketua Menteri), adalah soal lain," katanya kepada pemberita pada persidangan berita pada akhir lawatan dua hari beliau ke Sabah.

Beliau diminta mengulas sistem penggiliran jawatan itu di Sabah yang dicadangkan beliau sebelum pilihan raya negeri 1994 bagi memberi peluang kepada tiga kaum utama di Sabah -- Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam menerajui kerajaan negeri untuk tempoh dua tahun.

Isu mengenai pelantikan Ketua Menteri baru Sabah ketika ini menjadi perbualan hangat di kalangan banyak pihak di negeri ini.

Antara lain, perbualan itu berkisar mengenai siapa pemimpin Bumiputera bukan Islam yang bakal dilantik ke jawatan itu selepas tempoh jawatan dua tahun Ketua Menteri sekarang Datuk Yong Teck Lee yang mewakili kuota Cina, tamat menjelang hujung Mei ini.

Antara tokoh yang disebut-sebut ialah Timbalan Ketua Menteri Datuk Joseph Kurup yang juga Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) dan Menteri Pelancongan dan Alam Sekitar Tan Sri Bernard Dompok yang juga Presiden Parti Demokratik Sabah (PDS).

PDS mempunyai 11 kerusi dalam Dewan Undangan Negeri Sabah manakala PBRS, dua kerusi.

Ketika ditanya sama ada beliau sudah mengenal pasti nama bakal Ketua Menteri itu, Dr Mahathir secara berjenaka berkata: "Kalau sudah pun, saya tak akan beritahu."

Mengenai pendapatnya berhubung pelaksanaan sistem berkenaan, beliau berkata: "Nampaknya sistem ini berjalan baik, tak berapa banyak masalah... adalah sikit-sikit tapi saya rasa itu perkara biasa. Kalau tak ada sistem itupun ada juga masalah."

Pada persidangan berita itu, beliau turut ditanya sama ada ucapan beliau pada perasmian Konvensyen Barisan Nasional (BN) Sabah pada sebelah pagi merupakan ucapan pra-pilihan raya di Sabah, Dr Mahathir secara berjenaka berkata setiap ucapannya adalah ucapan pra-pilihan raya.

Mengenai rungutan sesetengah pihak di Sabah yang mendakwa tidak puas hati dengan pemberian kerja kontrak di negeri ini, beliau berkata: "Orang yang tidak mendapat kontrak selalunya berkata terdapat sesuatu yang tidak betul."

Mengenai sama ada berlaku penggunaan nama dalam pemilihan Umno, beliau berkata: "Saya tak nampak penggunaan nama-nama selain daripada membuat kenyataan bahawa saya menasihati supaya seberapa yang boleh dikurangkan pertandingan dan saya nampak sambutan baik di Sabah."

Beliau juga berpuas hati dengan kemajuan yang dicapai oleh Sabah di bawah pemerintahan BN yang telah menunjukkan peningkatan bukan sahaja daripada segi pembangunan fizikal tetapi juga perpaduan di kalangan penduduknya.

"Kita dapati di mana-mana (kita) pergi, penduduk Sabah nampak lebih peramah dan mesra. Jadi keadaan sudah bertambah baik dengan begitu nyata sekali," katanya. -- BERNAMA

JS NMO